

# PM naik kereta kabel tinjau Langkawi

UM. 4 JAN 2003

LANGKAWI 3 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan ke sini hari ini meluangkan masa menaiki kereta kabel di Gunung Machinchang untuk meninjau pemandangan indah dari puncak gunung setinggi 708 meter itu.

Beliau yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada pukul 5.45 petang bersama isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memandu sendiri kereta pacuan empat roda ke Oriental Village di Teluk Burau untuk menaiki kereta kabel.

Turut serta ialah dua orang cucu Dr. Mahathir iaitu Engku Anisha Che

Wan Mohd. Adlil, 15, dan Engku Zehan Che Wan Mohd. Adlil, 13.

Dr. Mahathir dan keluarga menaiki kereta kabel yang digerakkan dengan kuasa elektrik itu dan berhenti di platform khas di stesen puncak gunung tersebut untuk melihat pemandangan menarik di sekitar Langkawi, gugusan pulau kecil serta Pulau Tarutao dan Satun di selatan Thailand.

Di sepanjang perjalanan 15 minit ke puncak gunung itu juga dapat disaksikan keindahan dan kehijauan hutan di banjaran Gunung Machinchang, gua-gua kecil dan air terjun Telaga Tujuh.

Perdana Menteri mengambil ke-

sempatan merakam suasana ketika matahari terbenam dari puncak gunung itu menggunakan kamera video.

Projek kereta kabel ini adalah jaringan kereta kabel jenis gondola enam tempat duduk yang terpanjang di dunia membabitkan jarak keseluruhan sepanjang 2.2 kilometer, menghubungkan Oriental Village dengan puncak gunung itu.

Perkhidmatan kereta kabel yang memulakan operasi harian hujung tahun lalu dengan bayaran RM15 untuk dewasa dan RM10 untuk kanak-kanak, berjaya menarik perhatian ribuan pelancong tempatan dan luar negara.